

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

P eriksaan Kursus **Semasa Cuti Panjang**  
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

**KIT 253 – Termodinamik Kejuruteraan Kimia**

Masa: (3jam)

Jawab sebarang LIMA soalan

Hanya Lima jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap **soalan pada** muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi TUJUH **soalan** semuanya (6 muka surat).

1. (a) Satu mol gas pada  $25^{\circ}\text{C}$  dan 1 atm mengalami pemanasan dan pemampatan di dalam satu silinder yang berpiston tanpa geseran kepada suhu  $300^{\circ}\text{C}$  dan tekanan 10 atm. Hitunglah jumlah haba dan jumlah kerja yang terlibat sekiranya proses pemanasan dan pemampatan gas itu dilakukan sebagai berikut :

- (i) Pemampatan isoterma kepada tekanan 10 atm dan kemudiannya dipanaskan secara isobarik kepada suhu  $300^{\circ}\text{C}$ .
- (ii) Pemanasan isobarik kepada suhu  $300^{\circ}\text{C}$  diikuti dengan pemampatan isoterma kepada tekanan 10 atm.
- (iii) Pemampatan adiabatik kepada tekanan 10 atm dan pemanasan isobarik kepada suhu  $300^{\circ}\text{C}$ .

Anggaplah bahawa setiap lintasan merupakan perubahan berbalik dengan  $C_p = 38 \text{ JK}^{-1}\text{mol}^{-1}$  dan  $y = 1.28$ .

( 12 markah )

- (b) Sebuah enjin Carnot beroperasi di antara  $370^{\circ}\text{C}$  dan  $40^{\circ}\text{C}$  menghasilkan kerja sebanyak 200 kJ. Hitunglah

- (i) kecdkapan terma
- (ii) haba yang ditambah ke dalam proses tersebut.

( 8 markah )

2. (a) Terangkan dengan ringkas konsep kitaran enjin haba Carnot dan Otto.  
Lakarkan plot P-V bagi kedua-dua kitaran tersebut dan nyatakan perbezaan di antara kedua-dua kitaran itu.

(8 markah)

- (b) Suatu enjin turbin stim beroperasi pada keadaan berikut:

	Aliran masuk	Aliran keluar
Kelajuan (m/min)	2000	7500
T (K)	800	440
P (Mpa)	3.5	0.15
Entalpi (J/g)	3510	2805
Kadar alir stim (kg/jam)		10,000
Kehilangan haba (kJ/jam)		125,000

- (i) Hitunglah kerja yang dihasilkan oleh turbin pada keadaan operasi yang dinyatakan.  
(ii) Katakan turbin itu ditebat sehingga tiada haba yang hilang dan prosesnya berlangsung secara berbalik. Jika tekanan dan kelajuan aliran stim keluar dikenalkan tetapi entalpi aliran keluar ialah 2690 J/mol, kira kerja yang dihasilkan oleh turbin tersebut.

(12 markah)

3. (a) Dengan menggunakan takrifan dan hukum termodinamik, terbitkan persamaan berikut:

$$dS = \frac{C_p}{T} dT - \left( \frac{\partial V}{\partial T} \right)_P dP$$

Sebanyak 2 mol H<sub>2</sub>(g) dipanaskan secara berbalik pada isipadu tetap daripada 300 K dan 1 atm kepada 600 K. Jika muatan haba molar tekanan tetap,  $\bar{C}_p$  bagi H<sub>2</sub>(g) ialah

$$\bar{C}_p = (29.0 - 8.3 \times 10^{-4} T + 2.0 \times 10^{-6} T^2) \text{ JK}^{-1} \text{mol}^{-1}$$

Kira perubahan entropi system gas ini. Anggaplah bahawa H<sub>2</sub>(g) bersifat gas unggul.

(10 markah)

-3-

- (b) Seorang jurutera telah mereka satu enjin yang boleh menerima haba sebanyak  $160 \text{ kJ min}^{-1}$  pada suhu  $800 \text{ K}$ . Menurut beliau, apabila satu takungan haba bersuhu  $500 \text{ K}$  digunakan sebagai takungan haba yang terbuang, kerja sebesar  $65 \text{ kJ min}^{-1}$  boleh dihasilkan.

- (i) Hitunglah kecekapan terma enjin ini.
- (ii) Hitunglah kecekapan terma enjin ini menurut prinsip Carnot.
- (iii) Jelaskan apakah rekaan ini boleh diterima berdasarkan prinsip-prinsip termodinamik?

(10 markah)

4. (a) Suatu bahan api mempunyai komposisi seperti berikut (% jisim):  $5.6\% \text{ H}_2$ ,  $53.4\% \text{ C}$ ,  $0.15\% \text{ S}$ ,  $0.1\% \text{ N}_2$ ,  $37.9\% \text{ O}_2$  dan  $2.9\%$  abu. Jika bahan api ini dibakar dengan  $100\%$  udara teori di dalam sebuah relau, tentukan nisbah udara-bahan api berdasarkan jisim.

(10 markah)

- (b) Suatu radas berisipadu  $0.4 \text{ m}^3$  mengandungi  $2.0 \text{ kg}$  air dan wap air pada tekanan  $0.6 \text{ MPa}$ . Kiralah
- (i) isipadu dan jisim air.
  - (ii) isipadu dan jisim wap.

Data berikut diberikan berdasarkan Jadual Stim :  
 $P = 0.6 \text{ MPa}$ ,  $T = 158.6 \text{ }^\circ\text{C}$  dan  $V_g = 0.3157 \text{ m}^3/\text{kg}$

(10 markah)

5. (a) Bermula dengan hukum kedua termodinamik, tunjukkan bahawa kriteria termodinamik untuk perubahan spontan dan keseimbangan suatu sistem tertutup pada suhu dan tekanan tetap dinyatakan sebagai,


$$(dG)_{T,P} \leq 0$$

(10 markah)

- (b) Terangkan dengan ringkas prinsip enjin haba dan pam haba (alat penyejuk). Jelaskan perbezaan di antara kedua-duanya dan tuliskan persamaan bagi menghitung kecekapan kedua-dua alat tersebut.

(10 markah)

6. (a) Diberikan plot P-V bagi kitaran Carnot seperti berikut :



Jika 1.00 mol gas unggul monoatom mengalami kitaran Carnot tersebut, hitunglah

- (i)  $q$ ,  $w$  dan  $\Delta U$  bagi setiap lintasan (1 hingga 4) kitaran tersebut.
- (ii)  $q$  dan  $w$  bagi keseluruhan proses kitaran tersebut.
- (iii) Kecekapan terma bagi kitaran ini.

Diberi :  $C_v = 3/2 R$

(12 markah)

- (b) Dengan menggunakan takrifan dan hukum termodinamik, terbitkan persamaan-persamaan berikut :

- (i)  $(\partial H / \partial P)_T = V - T(\partial V / \partial T)_P$
- (ii)  $(\partial U / \partial V)_T = T(\partial P / \partial T)_V - P$

(8 markah)

-5-

7. (a) Sebanyak 0.5 kg gas unguil memenuhi isipadu  $0.1 \text{ m}^3$  pada  $120^\circ\text{C}$  dan  $370 \text{ kN/m}^2$ . Gas dipanaskan secara isokorik sehingga tekanan  $1480 \text{ kN/m}^2$ , kemudian dikembangkan secara berbalik dan adiabatik kepada tekanan awal yang seterusnya disejukkan kepada isipadu asal.

- (i) Tentukan nilai-nilai muatan haba tentu, jika nisbahnya ialah 1.25.
- (ii) Lakarkan rajah kitaran P-V.
- (iii) Kiralah pemindahan kerja net di antara gas dan sekitaran.

(12 markah)

- (b) Suatu gas dalam bekas tertutup mengembang daripada tekanan 345 kPa kepada 1379 kPa menurut persamaan  $PV = C$  dengan  $C$  ialah suatu pemalar. Tenaga dalam gas bertambah sebanyak 22.577 kJ. Jika isipadu awal gas ialah 85 L, kiralah haba yang diperlukan untuk proses pengembangan ini.

(8 markah)

-oooo0ooo-

.../6-

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Pusat Pengajian Sains Kimia**

**Pemalar Asas dalam Kimia Fizik**

<u>Simbol</u>	<u>Keterangan</u>	<u>Nilai</u>
$N_A$	Nombor Avogadro	$6.022 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$
F	Pemalar Faraday	$96,500 \text{ C mol}^{-1}$ , atau coulomb per mol, elektron
e	Cas elektron	$4.80 \times 10^{-10} \text{ esu}$ $1.60 \times 10^{-19} \text{ C atau coulomb}$
$m_e$	Jisim elektron	$9.11 \times 10^{-28} \text{ g}$ $9.11 \times 10^{-31} \text{ kg}$
$m_p$	Jisim proton	$1.67 \times 10^{-24} \text{ g}$ $1.67 \times 10^{-27} \text{ kg}$
h	Pemalar Planck	$6.626 \times 10^{-27} \text{ erg s}$ $6.626 \times 10^{-34} \text{ J s}$
c	Halaju cahaya	$3.0 \times 10^{10} \text{ cm s}^{-1}$ $3.0 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$
R	Pemalar gas	$8.314 \times 10^7 \text{ erg K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $8.314 \text{ J K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $0.082 \text{ l atm K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $1.987 \text{ cal K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$
k	Pemalar Boltzmann	$1.380 \times 10^{-16} \text{ erg K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$ $1.380 \times 10^{-23} \text{ J K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$
g		$981 \text{ cm s}^{-2}$ $9.81 \text{ m s}^{-2}$
1 atm		$76 \text{ cmHg}$ $1.013 \times 10^6 \text{ dyne cm}^{-2}$ $101,325 \text{ N m}^{-2}$
$2.303 \frac{RT}{F}$		0.0591 V, atau volt, pada $25^\circ\text{C}$

**Berat Atom yang Berguna**

H = 1.0	C = 12.0	I = 126.9	Fe = 55.8	As = 74.9
Br = 79.9	Cl = 35.5	Ag = 107.9	Pb = 207.0	Xe = 131.1
Na = 23.0	K = 39.1	N = 14.0	Cu = 63.5	F = 19.0
O = 16.0	S = 32.0	P = 31.0	Ca = 40.1	Mg = 24.0
Sn = 118.7	Cs = 132.9	W = 183.85		

108  
0000000-